



PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2012

**RINGKASAN EKSEKUTIF**  
**RANCANGAN FIZIKAL ZON PERSISIRAN PANTAI NEGARA**  
**(RFZPPN)**

---

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2012

**RINGKASAN EKSEKUTIF**  
**RANCANGAN FIZIKAL ZON PERSISIRAN PANTAI NEGARA (RFZPPN)**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan berkenaan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor mengenai Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) untuk diterimapakai di Negeri Selangor.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) disediakan susulan penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 26 April 2005. RFN merupakan Pelan Ibu kepada RFZPPN. Dasar RFN 20 telah menggariskan Ekosistem *persisiran pantai sensitif perlu dilindungi dan digunakan secara mampan dengan salah satu langkah penting yang telah dikenalpasti iaitu keperluan penyediaan rancangan gunatanah kawalan pantai.*

2.2 Dasar ini masih dikekalkan dalam RFN Ke-2 melalui dasar RFN24 yang menyatakan *perancangan dan pembangunan persisiran pantai perlu mengambilkira strategi dan langkah dalam Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara.*

2.3 Kajian ini juga disediakan selaras dengan kehendak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang menyatakan 'Bagi melindungi kawasan pantai dan marin, Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara akan diintegrasikan

ke dalam RFN bagi mempertingkatkan pengurusan dan perlindungan pesisir pantai termasuk usaha meningkatkan penanaman pokok bakau’.

- 2.4 RFZPPN merupakan satu Rancangan Strategik Gunatanah yang menggariskan halatuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumberjaya persisiran pantai di Semenanjung Malaysia secara mampan sehingga tahun 2030. Rancangan Strategik Gunatanah ini akan diterjemahkan ke dalam Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan untuk tujuan perancangan dan pengawalan perancangan diperingkat negeri dan tempatan.
- 2.5 RFZPPN telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Kajian RFZPPN pada 1 November 2010 dan Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 12 September 2011.

### **3.0 KANDUNGAN PEKELILING**

- 3.1 Pekeliling ini mengandungi keputusan JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012 yang mana Jawatankuasa bersetuju supaya Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara diterima pakai di Negeri Selangor.
- 3.2 Ringkasan Eksekutif Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) adalah seperti di Lampiran.

### **4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah / Daerah di Negeri Selangor.

## **5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

**( HJ. MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM )**

Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

***Merangkap***

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Mei 2012